

6 jurutera wanita terlibat bina landasan berkembar

PETALING JAYA 12 Mei – Enam jurutera wanita mencatat sejarah apabila menjadi kumpulan perintis yang diberikan kepercayaan untuk melaksanakan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) dari Ipoh ke Padang Besar.

Lima wanita tempatan dan seorang dari Indonesia berkenaan, kini bertugas dengan MMC-Gamuda Joint Venture Sdn. Bhd. selaku kontraktor utama projek PLBE yang menelan belanja RM12.485 bilion.

Mereka ialah Mawarni Omar, 30, Tang Jeet Ping, 26, Amirah Farhana Mohamad, 26, Zunurhidayah Osman, 27, Tricia Low Yi Ching, 28 dan Rosidha Febriana, 42, dari Surabaya Indonesia.

Ketua Bahagian Sumber Manusia MMC-Gamuda Joint Venture Sdn. Bhd., Ahmad Shahrin Mohamad Nor berkata, mereka ini ialah antara 1,000 jurutera yang berkhidmat dengan syarikat tersebut.

“Kesemua mereka berumur 35 tahun ke bawah kerana syarikat kami berhasrat untuk melatih wanita muda supaya berjaya di bidang kejuruteraan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar memperkenalkan enam



ENAM jurutera wanita yang menjadi perintis PLBE, (dari kiri) Tricia Low Yi Ching, Zunurhidayah Osman, Rosidha Febriana, Amirah Farhana Mohamad, Mawarni Omar dan Tang Jeet Ping pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

jurutera wanita yang bertugas di projek PLBE Ipoh-Padang Besar yang diadakan di pejabat MMS-Gamuda di Damansara Jaya di sini hari ini.

Ahmad Shahrin berkata, tugas yang

dipikul wanita berkenaan bukan mudah kerana berhadapan dengan persekitaran kerja yang lasak, kasar, kotor dan bekerja dengan rakan sejawat yang kebanyakannya lelaki.

“Setakat ini hanya enam wanita ini diberi kepercayaan untuk bertugas di sub-pakej PLBE iaitu di N6 (Taiping dan Kamunting) manakala di N8 (Sungai Siput),” jelasnya.

Menurut beliau, pihaknya berpuas hati di atas komitmen yang diberikan oleh jurutera wanita ini di mana mereka bukan sahaja sanggup bertugas tanpa mengira masa malah begitu teliti di dalam melaksanakan tugas.

“Kita sentiasa membantu kumpulan jurutera wanita ini menimba ilmu pengetahuan termasuk bekerja dengan rakan dari pelbagai negara serta didedahkan dengan persekitaran budaya dan komuniti yang berbeza,” katanya.

Sementara itu, Mawarni anak kelahiran Kuching, Sarawak yang berkelulusan Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) memberitahu, dia meminati bidang kejuruteraan sejak kecil lagi.

“Saya puas hati kerana diberi kepercayaan oleh syarikat untuk mengendalikan projek besar ini walaupun sebenarnya bukan mudah untuk wanita bekerja di tapak projek,” katanya.

Zunurhidayah, lulusan Kejuruteraan Awam dari Universiti Teknologi Malaysia (UKM) Skudai, Johor pula berkata, dia amat seronok dengan tugasnya sekarang kerana banyak diberi peluang untuk belajar.